



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

JUMAAT, 07 OKTOBER 2022	
1.	Harga ayam naik 2 kali tak sampai sebulan

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
07.10.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	21

'Harga ayam naik 2 kali tak sampai sebulan'

Peniaga dakwa
pemborong
naikkan sehingga
60 sen melebihi
harga siling

Oleh Zuhainy Zulkiffli
bhnews@bh.com.my

Georgetown: Naik dan terus naik! Peniaga ayam di Pasar Awam Jalan Patani di sini, Muhammad Shamil Haja Mubarak Ali, mendakwa harga ayam mentah

dinaikkan dua kali oleh pemborong sejak hujung bulan lalu hingga semalam.

Katanya, harga dijangka meningkat lagi minggu depan dan pemborong didakwa menaikkan harga sehingga 60 sen sejak akhir bulan lalu, melebihi harga siling RM8.10 sekilogram.

Ketika ini, beliau berkata, bekalan ayam daripada pemborong diperoleh pada harga RM8.70 sekilogram.

"Kami terpaksa jual RM9 sekilogram kepada pelanggan untuk ayam siap dibersihkan walaupun ada yang merungut sebab harga naik.

"Setiap kali ditanya kepada pemborong dan penternak, mere-

ka kata kenaikan harga disebabkan peningkatan harga dedak," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Muhammad Shamil berkata, peniaga berasa serba salah berikutan ada khabar angin dalam kalangan pemborong dan penternak mengatakan harga ayam akan dinaikkan 30 sen minggu depan.

Tiada kesudahan

Jika itu berlaku, jelasnya, peniaga juga terpaksa menaikkan sedikit harga jualan ayam kepada pengguna.

"Kami tak tahu bagaimana lagi ingin menjawab kepada pembeli

sebab harga ayam ini seperti tiada kesudahan," katanya.

Peniaga ayam di Pasar Awam Pulau Tikus, Abdul Rahim Abdul Rahman, berkata dia kini terpaksa menjual pada harga RM11 bagi setiap sekilogram ayam yang sudah dibersihkan.

"Sekarang harga seekor ayam pun mencecah RM18 dan jika ini berterusan, 'sakitlah' peniaga.

"Harga perlulah konsisten bagi kesenangan peniaga dan pembeli," katanya.

Difahamkan, pemborong menaikkan harga sehingga 70 sen bagi setiap kilogram ayam sebagai caj penghantaran.



Peniaga ayam di Pasar Awam Jalan Patani mendakwa pemborong menaikkan harga sehingga 60 sen sejak akhir bulan lalu.
(Foto Zuhainy Zulkiffli/BH)

Setiap kali ditanya kepada pemborong dan penternak, mereka kata kenaikan harga disebabkan peningkatan harga dedak

Muhammad Shamil Haja Mubarak Ali, Peniaga

